

Saya sudah menduga reaksi Pas - Mahathir

UM 24 SEP 1990

KUALA LUMPUR 23 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah menjangka bahawa pendedahannya mengenai rancangan sulit Tengku Razaleigh Hamzah untuk menghapuskan Pas jika Semangat 46 menang dalam pilihanraya, akan dinafikan.

Kata Perdana Menteri, kalau pihak pembangkang tidak mahu percaya, biarlah mereka nafikan perkara itu.

"Kalau mereka tidak mahu percaya, tak apalah. Apa kerajaan nak buat. Kita cuma sampaikan maklumat kepada mereka sahaja," kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengulangi kesediaannya untuk menunjukkan bukti mengenai perkara itu kepada ahli - ahli Pas yang ingin mendengar pita rakaman tersebut.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian semasa menjawab pertanyaan para pemberita ketika menghadiri Temasya Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Taman Tasik Perdana di sini hari ini.

Mengulas mengenai cadangan Yang Dipertua Agung Pas, Haji Fadzil Noor supaya pita rakaman itu disiarkan melalui televisyen, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Tak payahlah (tayang di TV).

Radio dan televisyen adalah kepunyaan kerajaan. Perkara ini merupakan soal parti."

Ditanya sama ada beliau bercahaya menunjukkan pita itu kepada masyarakat umum sebagai membuktikan kenyataannya sebelum ini, Perdana Menteri menjawab, "tunggulah".

Pada hari Jumaat lalu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata di Changlun, Kedah bahawa beliau mempunyai pita ucapan Tengku Razaleigh yang mahu 'membunuh' Pas setelah memenangi pilihanraya umum akan datang.

Menurut beliau, Presiden Semangat 46 itu menerangkan rancangan sulitnya itu dalam mesyuarat khas tertutup parti itu di kediamannya di Kuala Lumpur baru - baru ini.

Pendedahan Perdana Menteri itu bagaimanapun dinafikan dengan segera oleh para pemimpin tertinggi Pas dan Semangat.

Haji Fadzil Noor dan Pengerusi Semangat 46 Selangor, Dato' Haji Harun Idris menyifatkan pendedahan Perdana Menteri sebagai percubaan kerajaan untuk memecahbelahkan hubungan Pas dan Semangat 46.